

**SULIT**

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**1249/2**

**SEJARAH**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

**2  $\frac{1}{2}$  jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. **Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.**
2. **Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
3. **Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.**
4. **Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.**
5. **Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.**
6. **Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.**
7. **Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.**

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
<b>Jumlah</b>		100	


Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**



**Bahagian A****[40 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 Gambar berikut menunjukkan tapak dua buah bandar terancang dalam Tamadun Indus.



- (a) Senaraikan **dua** contoh bandar terancang dalam tamadun tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Nyatakan ciri bandar terancang dalam tamadun tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah masyarakat Tamadun Indus mampu membina bandar terancang?

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

[2 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan pembinaan bandar terancang terhadap kehidupan manusia?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) (i) Adakah bandar di daerah atau kawasan tempat tinggal anda dibina secara terancang?

.....

[1 markah]

(ii) Beri alasan anda.

.....

[1 markah]

2 Pendidikan formal telah berkembang pesat dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu selepas kedatangan Islam.

(a) Apakah yang anda faham tentang pendidikan formal?

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** ilmu Islam yang diajar dalam pendidikan formal masyarakat Melayu tradisional.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pendidikan formal masyarakat Melayu berkembang selepas kedatangan Islam?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Pada pandangan anda, mengapakah pendidikan formal penting dalam kehidupan manusia sepanjang zaman?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(e) Apakah kesan terhadap negara sekiranya rakyat tidak mendapat pendidikan yang sempurna?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- 3 Berikut adalah lirik lagu kebangsaan negara kita.

*Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku  
Rakyat hidup bersatu dan maju  
Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita selamat bertakhta  
Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita selamat bertakhta*

- (a) Apakah tajuk lagu kebangsaan negara kita?

.....  
[1 markah]

- (b) Bagaimanakah anda menghormati lagu tersebut ketika dinyanyikan?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (c) Berdasarkan pemahaman anda, jelaskan mesej yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (d) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda berusaha untuk melaksanakan mesej di 3(c) dengan berkesan?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

- (e) Sebagai warganegara yang patriotik, apakah perasaan anda ketika mendengar lagu kebangsaan kita berkumandang?

.....  
..... [1 markah]

Beri **dua** alasan mengapa anda berperasaan demikian.

(i) .....

.....

(ii) .....

.....

[2 markah]

**4** Negara kita menjadi tumpuan buruh luar sejak kurun ke-19 hingga kini.

(a) Mengapa negara kita menjadi tumpuan buruh luar pada kurun ke-19?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan kedatangan buruh luar terhadap negara kita sebelum merdeka?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapa selepas merdeka sehingga kini, negara kita masih lagi menjadi tumpuan buruh warga asing?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Apakah kesan baik dan kesan buruk kedatangan warga asing ke negara kita seperti yang anda lihat sejak kebelakangan ini?

Kesan baik :

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

Kesan buruk :

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**HALAMAN KOSONG**

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 5 (a) Jelaskan latar belakang pembentukan kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]
- (b) Terangkan sumbangan kerajaan tersebut kepada tamadun dunia. [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengkajian anda terhadap kegemilangan kerajaan Bani Umayyah, terangkan iktibar yang boleh diambil untuk menjadikan negara dan bangsa Malaysia lebih gemilang pada masa akan datang. [6 markah]
- 6 British telah memperkenalkan tanaman getah sebagai tanaman komersil di negara kita pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.
- (a) Terangkan faktor kemajuan tanaman tersebut. [10 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah orang Melayu tidak melibatkan diri dalam penanaman getah secara besar-besaran pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah perusahaan getah penting kepada negara kita? [4 markah]
- 7 Penjajah Barat telah bertapak di negara kita sejak tahun 1511 sehingga tahun 1957.
- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, terangkan sebab negara kita dijajah oleh penjajah Barat. [8 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada dijajah? [6 markah]
- (c) Sebagai warganegara Malaysia yang cintakan negara, jelaskan persiapan yang anda mesti lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang bentuk penjajahan pada masa hadapan. [6 markah]

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

- 8** Gambar berikut menunjukkan penentangan terhadap tindakan British melaksanakan Malayan Union.



- (a)** Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan muslihat British melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu. [8 markah]
- (b)** Terangkan sebab orang Melayu menentang Malayan Union. [6 markah]
- (c)** Sekiranya anda sebagai pemimpin pada waktu itu, bagaimanakah anda menentang pelaksanaan Malayan Union? [6 markah]
- 9** Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menyertai dan bergiat secara aktif dalam pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Kumpulan Selatan-Selatan dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).
- (a)** Terangkan manfaat yang Malaysia peroleh melalui penyertaan dalam pertubuhan antarabangsa di atas. [6 markah]
- (b)** Terangkan sumbangan Malaysia untuk keamanan dan kesejahteraan dunia melalui pertubuhan antarabangsa di atas. [8 markah]
- (c)** Anda adalah sebahagian daripada generasi muda warga dunia yang cintakan keamanan dan kesejahteraan. Nyatakan harapan anda kepada pemimpin dunia supaya keamanan dan kesejahteraan dunia berkekalan. [6 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**